



## MAJLIS DAERAH PADANG TERAP KEDAH DARUL AMAN NOTIS HEBAHAN

Menurut peruntukan Seksyen 141 Akta Kerajaan Tempatan 1976, (AKTA 171), maka diberitahu bahawa Majlis Daerah Padang Terap menurut peruntukan Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menyediakan satu Senarai Nilai baru yang akan dikuatkuasakan pada 01 Januari 2022 terhadap **pegangan di Taman Kasturi, Batu 19 Jalan Kuala Nerang, Kampung Bendang dan semua pegangan Industri (Menara Telekomunikasi)** di kawasan Majlis Daerah Padang Terap.

Maka itu, mana-mana orang sama ada pemunya atau penduduk atau ejen mana-mana orang itu yang pegangannya termasuk dalam Senarai Nilai tersebut boleh memeriksa Senarai Nilai itu di Pejabat Majlis Daerah Padang Terap, 06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman pada waktu pejabat bermula pada **05 September 2021** dan membuat cabutan daripadanya tanpa bayaran.

Seseorang yang terkilan atas penilaian bagi sesuatu pegangan yang dikenakan dalam Senarai Nilai tersebut boleh, menurut Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976, **membuat bantahan secara bertulis** kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Padang Terap **pada atau sebelum 02 Oktober 2021** dan Majlis Daerah Padang Terap akan mula **menyemak Senarai Nilai tersebut pada 17 Oktober 2021**.